

PENDIDIK

Mukmin Cilik, Mukmin Cerdik



KOMIK:

JAJA & AKIM MELAWAN MAKHLUK C19



ARTIKEL:

ADAB BERGURU ONLINE



CERPEN:

PENCURI BISU



قىدىقىچىق

PENDİDİK

Mukmin Cilik, Mukmin Cerdik



2021

Sidang Redaksi



PENAUNG

DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH
Ketua Pengarah JAKIM

PENASIHAT

DATO' DR. SIRAJUDDIN BIN SUHAIMEE
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)

KETUA PENGARANG

DR. LOKMAN BIN AB. RAHMAN

PENGARANG

NAZIRAH BINTI ABU BAKAR

PEMBANTU PENGARANG

SITI ATIKAH MOHAMAD
MOHD SHUHAIDIL BIN SHUKRI
WAN MOHD NAZMI BIN WAN MOHD

REKABENTUK

NAZRY SALAM (Pelukis, Penulis)
HUSNA ADNAN (Editor)
MOHD ASHWAD (Rekaan Grafik, Susun Atur)
AFIQ SALAM (Ilustrasi Kulit Hadapan)

PENGURUS EDARAN

MARIAM BINTI OTHMAN

E-MEL

didik@islam.gov.my

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM. PENDIDIK diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mulai 1989/1410H. Sidang pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirim selagi tidak mengubah isi kandungannya. Segala sumbangan yang dikirim tidak akan dikembalikan, sama ada disiarkan ataupun tidak. Sidang pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos.

Dari Meja Ketua Pengarang

"Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan."

Assalamualaikum WBT.

Bak kata pepatah, hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Begitulah semangat bagi orang yang mahu berjaya. Berilah apa-apa alasan sekalipun, dia akan tetap berusaha bagi mendapatkan sesuatu.

Peribahasa mengatakan, "Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan." Bermaksud, sekiranya kita mempunyai keinginan yang kuat demi mencapai sesuatu hajat, kita akan berusaha bersungguh-sungguh dengan pelbagai cara. Sebagai pelajar, seharusnya kita menjadikan peribahasa ini sebagai motivasi dalam diri. Kita tidak seharusnya berputus asa apabila gagal. Banyak cara sebenarnya yang dapat dilakukan demi mencapai kejayaan.

Perkara penting yang harus dititikberatkan dalam mencapai kejayaan adalah mengetahui kelemahan itu. Kegagalan mampu menjadikan kita seorang yang berfikiran luas. Akhir sekali nasihat kepada adik-adik, tanamkan dalam minda adik-adik sekiranya kita hendak hidup berjaya di dunia mahupun di akhirat, hendaklah kita melihat:

1. Hubungan kita dengan Allah.
2. Hubungan kita dengan ibu bapa.
3. Hubungan kita dengan guru.
4. Hubungan kita dengan kawan-kawan.

Wassalam.

KANDUNGAN

Biodata	6
Celik Hadis:	
• Jangan Kedekut & Tamak	13
• Keistimewaan Bersedekah	14
Celik Fardu:	
• Wajib Menuntut Ilmu	20
Celik Sains:	
• Sujud: Rahmat Allah SWT untuk Kita	25
• Tidur: Badan Sihat Penuh Ibadah	28
Celik Adab:	
• Rahsiakan Aib Sendiri, Lindungi Aib Sahabat	32
• Misi Jaja dan Akim	36
Celik Isu:	
• 5 Fakta Berkenaan Covid-19 yang Adik-adik Perlu Tahu	44
Celik Sejarah	
• Sejarah Hajarul Aswad	47
• 5 Fakta Menarik Berkenaan Hajarul Aswad	50
Celik Hukum	
• Soal Jawab Agama	51
Cerpen:	
• Serigala	54
Semangat:	
• Hebatnya Saintis Islam	60
• Kumbang	62

Tips Padu

- Mengelak Rasa Takut 66

Celik Doa:

- Doa Ketika Berasa Takut 68
- Doa Memperolehi Ilmu Bermanfaat 69
- Doa Mengelak Kemudarat 70

Sayang Nabi

- Amalan Rasulullah dalam 24 jam 72
- Makan untuk Sihat 75

Cerpen:

- Pencuri Bisu 78

Misi Kuasai Jawi:

- Menulis dan Membaca 86

Celik Akademik:

- Pembelajaran Melalui Internet 91
- Adab Berguru Online 93

Misi Kuasai Bahasa Arab

- Bina Ayat 96
- Mari Belajar Bahasa 98

Ruangan Aktiviti

- Misi Membongkar Kod Rahsia 100
- Cari Nama 25 Orang Rasul 102

Ruang Kreatif

- Selamatkan Bumi dengan Kraf 104
- Cara-cara Melukis Oyen 106
- Melukis Masjid yang Indah 107
- Misi Melengkapkan Lukisan 108
- Isi Dialog dan Warnakan 109



Biodata

JAJA



**BELAJARLAH
HINGGA
KE LIANG
LAHAD**

Nama penuh: Siti Hajar

Nama panggilan: Jaja **Tinggi:** 140 cm

Umur: 12 tahun (tahun 6) **Berat:** 35 kg

Hobi:

Membaca buku,
Membaca al-Quran

Cita-cita:

Menjadi saintis

Idola:

Nabi Muhammad
SAW

Misi hidup:

Menjadi tokoh sarjana
yang menyumbang
kepada pembangunan
Islam

Paling suka:

Buku

Paling benci:

Syaitan

Makanan kegemaran:

Masakan ibu



Minuman kegemaran:

Air kosong
(bagus demi
kesihatan)



Kelebihan:

Cerdas, matang,
berpengetahuan tinggi



Kekurangan:

Terlalu perisau



AKIM



KITA SEMUA
IALAH
SUPERHERO!



Nama penuh: Muhammad Hakim

Nama panggilan: Akim **Tinggi:** 125 cm

Umur: 10 tahun (tahun 4) **Berat:** 33 kg

Hobi:

Bersukan,
mengembara,
sesekali
membaca buku
(pengaruh Kak Jaja)

Cita-cita:

Menjadi
SuperMukmin



Idola

Nabi Muhammad
S.A.W

Misi hidup:

Membantu
orang-orang yang
dalam kesusahan

Paling suka:

Keadilan

Paling benci:

Kejahatan

Makanan kegemaran:

Nasi lemak ayam
goreng (dengan
sambal!)



Minuman kegemaran:

Air coklat sejuk



Kelebihan:

Aktif, cergas,
sentiasa
bertenaga dan
bersemangat



Kekurangan:

Cui, kadangkala
tergopoh-gapah

OYEN

MIAO MIAO
MIAOOOO!



Nama penuh:

Si Oren

Nama panggilan:

Oyen

Umur:

3 tahun (seumpama manusia 29 tahun)

Tinggi:

42 cm (tidak termasuk ekor)

Berat

3.5 kg

Hobi:

Tidur, makan, merayau-rayau

Cita-cita:

Menjadi superhero kucing

Misi hidup:

Membela nasib kucing jalanan

Paling suka:

Keadilan

Paling suka:

Kejahatan

Makanan kegemaran:

Whiskas (kecuali yang sudah lemau)

Minuman kegemaran:

Air kosong


Kelebihan:

Mampu melompat tinggi, mencakar, memanjat pokok dan bumbung rumah

Kekurangan:

Tidak suka terkena air

SEDEKAH





Jangan kedekut @ tamak!



Adik-adik, tahukah apa maknanya kedekut atau tamak? Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, kedekut bermakna sangat berkira-kira hendak membelanjakan wang: bakhil, kikir, lokek, pelit. Orang yang kedekut akan rugi di dunia, apatah lagi di akhirat. Sesungguhnya Allah akan menutup pintu rezeki bagi golongan bakhil.

Keistimewaan Bersedekah

1

Melembutkan hati kerana dengan bersedekah, kita berasa simpati terhadap orang sakit.



2

Melembutkan hati yang keras.



3

Allah akan membuka pintu hati bagi menjadi insan yang baik dunia akhirat.



4

Dapat menghapuskan dosa-dosa.

5

Dimurahkan lagi rezeki.





Asma' RA menerangkan bahawasanya Rasulullah SAW bersabda (kepada Asma):

“Nafkahkanlah dan janganlah kamu menyempitkan sedekah yang menyebabkan Allah menyempitkan (tidak mengeluarkannya) untuk kamu. Dan janganlah kamu menyembunyikan sesuatu dalam bungkusan yang kerananya Allah memutuskan berkatnya dan kesuburannya.

(Imam Ahmad)



Bersedekah bukan hanya melalui wang ringgit, malah harta benda pun boleh. Pakaian, mainan, dan makanan juga dikira sebagai sedekah.

Apa yang penting, perbuatan sedekah dan niat bersedekah itu amat besar pahalanya.


"Bantuan Diperlukan!"

Akim mahu memberi sedekah kepada mangsa-mangsa banjir. Adik-adik yang baik hati, boleh bantu Akim buat keputusan berkenaan barang yang boleh disedekahkan? Tolong padankan tulisan dengan gambar di bawah:



Sesuai
disedekahkan:



Tidak sesuai
disedekahkan:



REZEKI





Oh, begitu.
Baiklah, biar kakak terangkan.

Fardu ain, perkara yang Akim perlu buat. Kalau tidak, Akim berdosa.

Fardu kifayah, perkara yang masyarakat perlu buat. Jika tiada yang buat, seluruh masyarakat berdosa!



Uish! Apa contoh fardu ain dan fardu kifayah?



Ustazah sudah ajar,
tapi tak lekat dalam
kepala. Huhu!

Contoh fardu ain
adalah menutup aurat,
solat lima waktu,
dan berpuasa.



Kalau Akim
tidak buat semua ini,
Akim berdosa.

Fardu kifayah pula seperti
solat berjemaah, berniaga,
dan belajar ilmu sains.



Jika tiada sesiapa
di bandar kita buat semua itu,
kita semua berdosa.

Sebab itu perlu ada wakil.
Sekiranya tiada sesiapa
buat, kitalah yang perlu
lakukannya.



Fardu ain menjadikan kita
sebagai hamba Allah
yang patuh.



Oh, begitu.
Terima kasih,
Kak JaJa.
Alhamdulillah,
siap latihan!





Celik
Fardu

WAJIB MENUNTUT ILMU


Adik-adik, ilmu amat penting dalam kehidupan kita. Kerana itu kita diwajibkan menuntut ilmu. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dari Anas ibn Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“**MENUNTUT ILMU ITU WAJIB
KE ATAS SETIAP ORANG
(LELAKI DAN PEREMPUAN).**”

Sekiranya seseorang itu tiada ilmu pengetahuan, bagaimana kita dapat membezakan sesuatu perkara itu baik ataupun buruk? Kalau tiada ilmu, bagaimana negara kita dapat melahirkan ramai pakar dalam bidang-bidang tertentu sebagai usaha mencapai kemajuan dan ketamadunan bangsa?

Adik-adik, ilmu Allah itu sangat luas. Allah menjadikan alam ini supaya manusia berfikir, merenung, menyelidik dan mengkaji perihal kebesaran-Nya.

Orang yang tidak berilmu atau enggan menuntut ilmu adalah orang yang jahil. Di dunia dan di akhirat, mereka hidup dalam kerugian. Orang yang berilmu pula akan diangkat darjatnya oleh Allah dan dipandang mulia ketika berada di dunia lagi.



Kedudukan orang yang berilmu dan tidak berilmu jauh berbeza seperti langit dan bumi. Seiring maksud ayat al-Quran dalam surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud:

﴿ ﴿ KATAKANLAH, ADAKAH SAMA ORANG BERILMU DENGAN ORANG YANG TIDAK BERILMU? ﴾ ﴾

Ilmu dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu fardu ain dan fardu kifayah.

ILMU FARDU AIN

Ilmu fardu ain adalah kewajipan yang dituntut ke atas setiap mukalaf untuk melakukannya. Berdosa jika tidak menyempurnakannya. Ia meliputi ilmu-ilmu yang berkaitan urusan agama dan kehidupan di dunia. Antaranya, mempelajari ilmu akidah, ibadat, halal haram, dan akhlak.

ILMU FARDU KIFAYAH

Ilmu fardu kifayah pula bermaksud tuntutan syarak ke atas masyarakat dan bukan ke atas setiap individu. Ini bermakna, apabila sebahagian masyarakat sudah melakukannya, maka orang lain terlepas tanggungjawab dan tanggungan dosa. Sekiranya tiada yang melakukannya, maka semua orang menanggung dosa. Antara ilmu yang dikategorikan sebagai fardu kifayah ialah ilmu yang dilihat dari sudut keperluan masyarakat seperti ilmu pertanian, perindustrian, perdagangan, perubatan, kejuruteraan, dan pelbagai ilmu lagi.



Ilmu itu sungguh luas, seluas lautan. Sekiranya kita luangkan sepanjang hayat untuk belajar sekalipun, tidak semua ilmu dapat kita fahami. Maka sebab itulah, kita perlu berhati-hati dalam memilih ilmu yang dipelajari dan dikuasai. Sebaik-baik ilmu ialah ilmu yang bermanfaat, iaitu ilmu yang memberi kebaikan kepada diri sendiri dan orang lain.

Namun, tidak semua ilmu bagus. Ada ilmu yang membawa mudarat atau keburukan. Berikut ialah senarai ilmu yang bermanfaat dan ilmu yang bermudarat:



ILMU BERMANFAAT:

Fardu kifayah

Fardu ain

Ilmu perniagaan

Ilmu komunikasi

Kemahiran membuat video dakwah Islamik

Kemahiran melukis komik dakwah Islamik

ILMU BERMUDARAT:

Ilmu sihir



Kemahiran menipu dan berbohong

Kemahiran mencuri dan merompak

Ilmu yang menyalahi ajaran Islam

Ilmu yang salah dan tidak benar

SAINTIS ISLAM






SUJUD

Rahmat Allah ﷺ untuk Kita



Sudahkah adik-adik mengerjakan solat hari ini? Kalau sudah, alhamdulillah. Semoga Allah SWT menerima solat tersebut sebagai amalan soleh pemberat timbangan pahala, amin.

Apa yang adik-adik rasa selepas mengerjakan solat? Tenang, bukan? Solat bukan sahaja amalan zikir dengan lidah, malah melibatkan pergerakan fizikal tubuh badan. Pergerakan dalam solat mengandungi falsafah yang tinggi, begitu juga bacaan-bacaannya.



Sujud ialah lambang ketundukan dan penyerahan kita sebagai hamba Allah SWT. Semasa bersujud, kita membiarkan anggota tubuh yang paling mulia iaitu wajah untuk menyentuh lantai, posisi paling rendah berbanding pinggul, dada dan anggota lain.

Perbuatan sujud mendidik kita supaya tidak terlalu sompong, bongkak dan bermegah diri sebagai status ‘sebaik-baik ciptaan’. Allah SWT mencela golongan sompong, seperti Allah SWT melaknat iblis kerana enggan bersujud kepada Nabi Adam AS.

***"HANYA KEPADA ALLAH SUJUD PATUH
SEGALA YANG ADA DI LANGIT DAN BUMI, BAIK
DENGAN KEMAHUAN SENDIRI ATALI TERPAKSA,
DAN SUJUD PULA BAYANG-BAYANGNYA PADA
WAKTU PAGI DAN PETANG."***

(Surah Ar-Ra’du, ayat 15)

Begitulah Allah SWT memuliakan perbuatan sujud dengan mencatatkan beberapa kali dalam al-Quran. Apabila diteliti dalam konteks sains dan kesihatan, banyak faedah yang kita peroleh melalui perbuatan bersujud.

Seorang pakar neurosains dari Amerika, Dr. Fidelma O’leary, mendakwa bahawa beberapa saraf pada otak manusia tidak boleh dialiri darah. Sebabnya, posisi jantung yang berada di dada tidak cukup tinggi bagi menampung penghantaran darah ke otak. Padahal, otak memerlukan oksigen serta bekalan darah yang mencukupi untuk berfungsi dengan sempurna.

Kekurangan bekalan darah boleh menimbulkan masalah kesihatan seperti strok dan lumpuh. Oleh sebab itu, penting adanya rutin harian yang menghantar darah ke seluruh otak. Beliau berterusan mengkaji fenomena pelik ini, sehingga akhirnya persoalan terjawab.

Darah boleh mengalir ke seluruh otak secara sempurna apabila manusia melakukan sujud, seperti yang dilakukan oleh umat Islam semasa bersolat.

Apabila bersujud, posisi otak berada lebih rendah daripada jantung, membolehkan darah dipam dengan mudah. Maka, otak mendapat bekalan oksigen dan darah yang mencukupi, lalu terhindar penyakit seperti migrain, tekanan perasaan dan strok. Malah, bersujud juga boleh menyegarkan otak dan menjamkan fikiran. Akhirnya, Dr. Fidelma memeluk Islam.

Sujud juga dapat memperbaiki tahap kesihatan mental. Apabila bersujud, banyak darah mengalir ke otak. Otak ialah tempat untuk merancang dan membuat keputusan. Oleh itu, dengan bekalan oksigen yang mencukupi, manusia dapat berfikir secara waras, tenang, dan tepat, tanpa dipengaruhi nafsu dan emosi. Kewarasan berfikir juga memberi ketenangan kepada pemikiran, sekali gus menghalau beban emosi yang boleh mengheret manusia ke lembah maksiat dan dosa.

Ketenangan dan kewarasan yang diperoleh bukan sahaja memberi manfaat kepada kesihatan fizikal, malah kesihatan mental dan emosi.

Justeru, saranan Rasulullah SAW supaya kita memperbanyakkan sujud dan bersujud lama amat baik demi kebaikan kita semua.





Celik Sains



TIDUR BADAN SIHAT PENUH IBADAH

Allah SWT berfirman yang bermaksud:

**“ DAN DIALAH TUHAN YANG MENJADIKAN
MALAM UNTUK KAMU SEBAGAI PAKAIAN DAN
MENJADIKAN TIDUR UNTUK BERHENTI REHAT
SERTA MENJADIKAN SIANG UNTUK KELUAR
MENCARI REZEKI. ”**

(Surah al-Furqan, ayat 47)

Terjemahan ayat di atas menjelaskan bahawa, tubuh badan manusia mempunyai sistem tersendiri yang dikenali sebagai pusingan biologi atau *biological rhythm*. Sistem ini menyebabkan kita mengantuk pada waktu malam dan cergas pada waktu siang. Oleh sebab itu, kita perlu memahami cara sistem ini bekerja dan bijak memanfaatkan.

MEMAHAMI PUSINGAN BIOLOGI

Pada waktu malam, badan kita mengeluarkan hormon yang dipanggil melatonin. Hormon ini mempengaruhi bahagian otak yang dipanggil hipotalamus dan menyebabkan kita tidur. Kadar melatonin berada pada tahap optimum dalam darah pada jam 1.30 pagi hingga 2.00 pagi semasa tidur. Selepas itu, kadarnya menurun dan berada pada tahap paling rendah selepas bangun tidur pada jam 6.00 pagi.

Pada waktu siang pula, hormon kortisol mempengaruhi badan kita semasa aktif melakukan aktiviti. Hormon ini berfungsi melajukan jantung dan pernafasan pada waktu siang. Hormon kortisol juga dikenali sebagai hormon stres kerana berada pada tahap paling tinggi apabila manusia mengalami tekanan perasaan.

Waktu paling produktif adalah antara jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengah hari. Sebaiknya kita lakukan kerja-kerja utama dalam waktu ini. Selepas itu, dari tengah hari hingga awal petang, tubuh badan kita menjadi lesu dan lemah. Saintis menamakan fasa ini sebagai *secondary sleep gate*. Oleh sebab itu, tidur sebentar pada waktu ini jika ada kesempatan.

David F. Dinges dan Roger J. Broughton di dalam buku mereka, *Sleep and Alertness: Chronobiological, Behavioural and Medical Aspects of Napping* menggalakkan kita tidur pada waktu tengah hari. Kajian menunjukkan, mereka yang tidur selama 30 minit pada waktu tengah hari mempunyai risiko yang lebih rendah bagi menghidap penyakit jantung.

Dalam Islam, tidur sekejap pada waktu tengah hari dipanggil *qailulah* dan pernah dilakukan oleh Nabi SAW.

Badan manusia memasuki fasa produktif yang kedua antara jam 8.30 hingga 10.30 malam. Gunakan waktu ini untuk membaca dan merancang aktiviti sebelum masuk tidur.

TIDUR SEBAGAI IBADAH

Tidur ialah satu ibadah. Aktiviti tidur perlu dijaga dan dimanfaatkan supaya kita dapat melaksanakan ibadah lain.

Hadir Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim ada menyebut berkennaan tidur sebagai ibadah:

 APABILA SESEORANG KAMU MENGANTUK
KETIKA HENDAK BERSOLAT MAKA HENDAKLAH
DIA TIDUR DAHLILLI SAMPAI DIA TAHU APA YANG
DIBACANYA.. 

Semasa tidur, sel-sel di dalam badan melalui proses pemulihan, iaitu badan manusia mengeluarkan hormon pertumbuhan yang berfungsi memperbaiki sel-sel rosak.

Penyimpanan maklumat jangka panjang di dalam otak juga berlaku semasa tidur. Menurut Penolong Profesor Carla B. Green, mengulang kaji pelajaran hingga lewat malam boleh menjelaskan pusingan biologi individu, serta menjelaskan fungsi otak bagi mengingati semula maklumat yang dibaca.

SUNNAH NABI DAN PUSINGAN BIOLOGI

Nabi SAW menyuruh para sahabat memenuhi keperluan badan. Baginda sendiri memenuhi hak dan keperluan jasmani sebagai persiapan untuk beribadah. Pernah berlaku, ada sahabat baginda tidak mahu tidur dan berkahwin. Ada juga sahabat berazam untuk berpuasa secara berterusan.

Kemudian, Nabi SAW bersabda yang bermaksud, "Demi Allah, akulah manusia yang paling takutkan Allah dan paling bertakwa kepada-Nya, tetapi aku berpuasa dan berbuka, aku bersolat dan tidur, dan aku juga berkahwin. Sesiapa yang tidak mengikut sunnahku ini, dia tidak termasuk dalam golonganku." Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.



LAWAN IBU



"SETIAP DOSA AKAN DILEWATKAN OLEH ALLAH HUKUMANNYA MENGIKUT KEHENDAK-NYA HINGGA HARI KIAMAT KECUALI DERHKAKA KEPADA IBU BAPA. Maka SESUNGGUHNYA ALLAH AKAN MENGHUKUM PELAKUNYA SEMASA HIDUP SEBELUM KEMATIAN LAGI." [RIWAYAT AL-HAKIM (7263)]



Celik
Adab

Rahsiakan Aib Sendiri

Lindungi Aib Sahabat

Adik-adik, aib ialah perkara yang memalukan diri sendiri atau orang lain. Tanpa sedar, kita mungkin ada membuka aib diri sendiri atau kawan-kawan. Untuk menjadi seorang Muslim yang berakhhlak mulia, kita perlu menjaga aib orang lain. Jangan sekali-kali menjadi penyebar aib sahabat secara sengaja. Perbuatan itu dapat mengundang permusuhan dan kebencian. Kita juga turut dikutuk oleh Allah SWT bahkan akan menerima azab di dunia dan di akhirat. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 19 yang bermaksud:

﴿**SESUNGGUHNYA ORANG SUKA
MENGHEBAHKAN TUDUHAN YANG BURUK
DALAM KALANGAN ORANG YANG BERIMAN,
BAGI MEREKA AZAB YANG TIDAK TERPERI
SAKITNYA DI DUNIA DAN AKHIRAT;
DAN (INGATLAH) ALLAH MENGETAHUI
(SEGALA PERKARA) SEDANG KAMU TIDAK
MENGETAHUI.**﴾


Lindungi Aib Sahabat

Pada suatu hari, seorang sahabat menjemput Rasulullah SAW dan sahabat-sahabat lain untuk menikmati hidangan daging unta di rumahnya.

Ketika mereka sedang enak menikmati hidangan, tiba-tiba salah seorang sahabat telah membuat angin. Para sahabat saling berpandangan sesama sendiri.

Apabila masuk waktu solat, Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang telah memakan daging unta, sila berwuduk."

Rasulullah telah menjaga maruah sahabat yang membuat angin tadi supaya tidak menanggung malu.



Rahsiakan Aib Sendiri

Menjaga aib diri sendiri amat dituntut dalam Islam.

Rasulullah SAW pernah mengingatkan kita dalam sabda yang bermaksud, "Seluruh umatku akan diampunkan dosa-dosa kecuali orang-orang yang terang-terangan (berbuat dosa)."

Antara orang yang terang-terangan berbuat dosa ialah seseorang yang pada waktu malam berbuat dosa, kemudian pada waktu pagi dia menceritakan kepada manusia dosa yang dia lakukan semalam, padahal Allah telah menutupi aibnya.

Dia berkata, 'Wahai polan, semalam aku berbuat ini dan itu.' Sebenarnya pada waktu malam Tuhan telah menutup perbuatannya itu, tetapi pagi harinya dia membuka aib sendiri yang telah ditutup oleh Allah." (Riwayat oleh Bukhari dan Muslim)





Celik
Adab

Latihan

Perhatikan semua situasi di bawah. Sekiranya adik-adik berada dalam situasi-situasi itu, apakah yang akan dilakukan?

SITUASI 1:



Pada satu malam, anda telah melakukan satu kesalahan atau dosa peribadi. Apakah yang anda perlu lakukan?

- Menghebahkan dosa itu kepada kawan-kawan tanpa sebab.
- Bertaubat dan merahsiakan dosa itu.
- Berasa bangga dengan dosa itu.

SITUASI 2:



Semasa belajar di dalam kelas, kawan anda tidak dapat memahami apa yang diajar oleh guru. Apakah yang anda akan lakukan?

- Memberi tunjuk ajar kepada kawan anda.
- Mentertawakan dan mengejek kawan anda.
- Membiarkan saja kawan anda dalam kebingungan.

SITUASI 3:





Sahabat baik anda telah membuat satu kesalahan iaitu memakai baju terbalik. Apakah yang anda akan lakukan?

- Mengajak kawan-kawan lain untuk mentertawakan sahabat baik anda.
- Menegur sahabat baik anda di hadapan orang ramai.
- Menegur sahabat baik anda secara senyap-senyap supaya dia tidak rasa malu.

BANTERAS KEMUNGKARAN


















Gerak sekarang!
Selaku mungkin!










Celik
Isu



5 FAKTA BERKENAAN COVID-19 YANG ADIK-ADIK PERLU TAHU

1

Covid-19 ialah sejenis virus pembawa penyakit yang ditemui para saintis pada tahun 2019.

Perkataan COVID-19 ialah gabungan tiga perkataan:

- a. 'CO' daripada 'corona' yang bermaksud 'mahkota' dalam bahasa Latin, kerana virus jenis corona mempunyai duri-duri yang seumpama mahkota.
- b. 'VI' daripada perkataan 'virus'.
- c. 'D' daripada perkataan bahasa Inggeris 'disease' yang bermaksud penyakit.

2

Covid-19 adalah sejenis *zoonotic* iaitu penyakit yang datang daripada haiwan. Dikatakan virus Covid-19 terbentuk di sebuah pasar di Wuhan, China. Pasar itu menjual haiwan-haiwan eksotik bagi dimakan antaranya landak, ular, dan kanggaru.

3

Covid-19 tersebar menerusi titisan cecair daripada batuk dan selsema. Disebabkan itu, bagi mengekang penularan virus, orang ramai perlu memakai pelitup muka, menjaga jarak, dan menjaga kebersihan.

4

Covid-19 telah memberikan impak yang besar kepada seluruh dunia, termasuklah keluarga kita sendiri. Maka, sebagai anak, kita perlu menjaga diri dan ahli keluarga supaya terhindar daripada virus pembunuh ini. Manfaatkan masa terluang seperti membantu ibu bapa membuat kerja rumah.

5

Moga Allah menghilangkan wabak Covid-19 daripada muka bumi. Mohon adik-adik aminkan, ya. Amin!

SUPERHERO

Akim, khusyuknya!
Langsung tak tengok kami
main bola. Baca buku
cerita apa?

Cerita
superhero.

Eh, ini kisah Nabi
Muhammad! Aku
sangka komik
superhero seperti
Superman!

KISAH
NABI &
SAHABAT

4142 Z

Nabi dan sahabat
pun superhero. Nabi
pernah membelah
bulan menjadi dua
bahagian!

Nabi pernah
ketuai 300 Muslim
di medan perang dan
berjaya tewaskan
1,000 musuh berkuda
dan bersenjata lengkap!

Nabi juga pernah
bertemu malaikat
di sebuah gua
terpencil, kemudian
malaikat itu ajar
Nabi membaca
al-Quran!

Yang paling penting, Nabi dan
sahabat ialah superhero sejati
yang hidup dalam dunia sebenar.
Bukannya sekadar cerita rekaan
dan fantasi.

Wah, baru
tahu!


Menarik!

Hehe!
Maaf, maaf.

Jangan baca
terlalu cepat,
Akim!

Betul! Aku
belum habis
baca lagi.

Sejarah Hajarul Aswad



Hajarul Aswad ialah sebuah batu yang terdapat di penjuru Kaabah. Kaabah pada mulanya dibina oleh Nabi Adam AS. Apabila banjir besar melanda Mekah, Kaabah menjadi rosak. Nabi Ibrahim telah membinanya semula di atas tapak yang sama. Baginda meminta Nabi Ismail mencari sebiji batu bagi menandakan penjuru Kaabah.

Lalu malaikat Jibrail telah memberikan petunjuk kepada Nabi Ismail bagi mencari sebijii batu yang diberi nama Hajarul Aswad. Semasa batu itu diletakkan, mereka berdoa;

YA TUHAN KAMI, TERIMALAH
DARIPADA KAMI CAMAL
KAMI), SESUNGGUHNYA
ENGKAU MAHA MENDENGAR
LAGI MAHA MENGETAHUI. YA
TUHAN KAMI, JADIKANLAH
KAMI BERDUA ORANG-ORANG
ISLAM (YANG BERSERAH
DIRI KEPADA-MU) DAN
JADIKANLAH DARIPADA
KAMI UMAT ISLAM (YANG
BERSERAH DIRI) KEPADA-
MU, DAN TUNJUKKANLAH
KEPADA KAMI SYARIAT DAN
CARA-CARA IBADAT KAMI DAN
TERIMALAH TAUBAT KAMI,
SESUNGGUHNYA ENGKAU
PENERIMA TAUBAT LAGI MAHA
MENGASIHANI.

(Surah al-Baqarah, ayat 127 dan 128)

Dalam sirah Rasulullah SAW, diriwayatkan bahawa sewaktu usia baginda 35 tahun, banjir besar telah melanda Kota Mekah dan menyebabkan dinding Kaabah mengalami kerosakan teruk hingga perlu dibina semula. Tugas ini dibahagikan kepada empat puak Quraisy. Rasulullah SAW turut membantu dalam usaha pembinaan semula.

Selepas dinding dibina semula, tiba masanya batu Hajarul Aswad diletakkan di tempatnya pada dinding sebelah timur Kaabah.



Pertelingkahan berlaku waktu menentukan puak yang mendapat penghormatan bagi meletakkan Hajarul Aswad. Kemudian keputusan dicapai iaitu mereka memilih Nabi SAW.

Baginda mencadangkan batu hitam itu diletakkan di atas sehelai kain, dan setiap bucu kain dipegang oleh seorang pemimpin puak. Mereka bersama-sama mengangkat batu itu dengan kain. Rasulullah mengangkat batu itu dan meletakkan di tempat asalnya pada dinding Kaabah.

Menurut sejarah, Hajarul Aswad ialah batu dari langit yang diturunkan Allah SWT ke atas Jabal Qubais. Batu itu ialah permata putih, yang lebih putih daripada susu, tetapi lama-kelamaan menjadi hitam disebabkan sentuhan manusia.

Ini diterangkan dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud: "Dari Ibnu Abbas RA, Rasulullah SAW bersabda:



گگ HAJARUL ASWAD DITURUNKAN DARI SYURGA DAN BERWARNA
LEBIH PUTIH DARIPADA SUSU. DOSA-DOSA MANUSIA (ANAK ADAM)
MENYEBABKANNYA MENJADI HITAM.

گگ

(Riwayat Ahmad dan al-Tirmidzi)

Dalam Islam, orang yang mengerjakan tawaf haji perlu memulakan tawaf dengan menghalakan bahu kiri ke arah Hajarul Aswad. Mereka perlu mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali, dan berhenti di Hajarul Aswad juga.

Mencium Hajarul Aswad ialah sunah Nabi SAW. Khalifah Umar Al-Khattab berkata, sebelum beliau mencium Hajarul Aswad: "Aku tahu, sesungguhnya engkau hanyalah batu biasa. Andaikan aku tidak melihat Rasulullah SAW menciummu, sudah tentu aku tidak akan melakukannya (mencium Hajarul Aswad)."



5 Fakta Menarik Berkenaan Hajarul Aswad:

1

Hajarul Aswad pernah hilang semasa banjir besar pada zaman Nabi Nuh AS. Dengan izin Allah, Nabi Ismail AS berjaya menemui semula Hajarul Aswad atas bantuan Malaikat Jibrail.

2

Hajarul Aswad pernah dicuri dan dibawa keluar dari Mekah selama 22 tahun. Pencurinya bernama Abu Tahir iaitu pemimpin Syiah. Seorang khalifah bersama bala tentera yang ramai telah berjaya merampas semula daripada Abu Tahir. Akhirnya Hajarul Aswad dikembalikan ke tempat asal.

3

Orang pertama memasang lingkaran perak di sekeliling Hajarul Aswad ialah Abdullah bin Zubair. Tujuannya supaya Hajarul Aswad lebih kukuh dan tidak pecah berderai.

4

Pernah sekali, lingkaran emas dipasang di sekeliling Hajarul Aswad, iaitu pada tahun 1268 Hijrah. Akan tetapi, selepas itu lingkaran emas diganti semula dengan lingkaran perak hingga ke hari ini.

5

Ada orang sanggup membayar hingga RM170 kepada joki supaya dapat mengucup Hajarul Aswad. Tugas joki ialah menolak dan menahan orang lain supaya pengupahnya berpeluang mengucup Hajarul Aswad. Perbuatan menyakiti jemaah lain demi mengucup Hajarul Aswad adalah haram.

Zaman pandemik ini, ramai orang rindu untuk mengucup, atau sekurang-kurangnya melambai ke arah Hajarul Aswad. Sama-sama kita berdoa semoga pandemik ini diangkat dari muka bumi, supaya lebih ramai mukmin berpeluang mengerjakan ibadah umrah dan haji. Amin.



SOAL JAWAB AGAMA

Bolehkah puasa qada disekalikan bersama puasa sunat Syawal?



Antara puasa sunat Syawal dan puasa qada, yang lebih penting adalah puasa qada.

Ini terbukti daripada hadis Qudsi yang bermaksud:

“TIDAK HAMPIR KEPADA-KU ORANG YANG INGIN HAMPIR KEPADA-KU SEBAGAIMANA APABILA MEREKA MELAKSANAKAN AMALAN FARDU MEREKA, DAN SENTIASALAH MEREKA INGIN MENGHAMPIRKAN DIRI MEREKA KEPADA-KU DENGAN MENGERJAKAN AMALAN SUNAT SEHINGGALAH AKU KASIH KEPADANYA.”

(Riwayat al-Bukhari)



Celik
Hukum



Adakah wajib membasuh setiap anggota wuduk sebanyak tiga kali?

Basuhan wuduk wajib sekali sahaja, manakala sunat bagi mengulang sebanyak tiga kali.

Ia perbuatan dan sunah Nabi ketika mengambil wuduk. Bagus bagi diamalkan.



Celik
Hukum



Mengapa kita wajib berpuasa pada bulan Ramadan?

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud: "Wahai orang-orang beriman! Kamu diwajibkan atas orang-orang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa."

Allah SWT perintahkan kita melaksanakan ibadah puasa yang termasuk dalam rukun Islam. Dengan berpuasa, kita dapat melatih diri dari segi jasmani dan rohani. Puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, malah menahan nafsu dan menjaga akhlak.

Apabila kita melaksanakan rukun Islam ini, Allah SWT menjanjikan pengampunan dosa.



SERIGALA



Jam 7.00 malam. Hisham pandu kereta masuk ke dalam halaman rumah. Semasa menutup pintu pagar, datang tiga lelaki berbaju putih dan berkopiah. Hisham berdecit.

"Assalamualaikum. Tuan, jemput ke surau. Selepas maghrib, kami ada buat makan-makan." Berkata salah seorang lelaki yang berjanggut panjang.

"Err ... insya-Allah, pak cik," balas Hisham, tersengih.

"Insya-Allah pergi atau insya-Allah tidak pergi?" seloroh lelaki berjanggut panjang itu.

"Saya biasa solat di rumah."

"Sekali-sekala jemputlah berjemaah di surau. Insya-Allah berbaloi. Apabila kita solat beramai-ramai, 'serigala' susah hendak kacau."

'Serigala?' soal Hisham dalam hati.

Namun dia malas memanjangkan. Segera dia membalias, "Baik, pak cik. Saya masuk dulu, ya."

Hashim mengunci pagar dan bergegas ke pintu. Tidak mahu menoleh ke belakang.

* * *

Azan berkumandang. Hisham keluar dari bilik air. Anggota tubuhnya dibasahi air wuduk. Dia berjalan ke ruang tamu. Dari dapur kedengaran bunyi kelentang-kelentung, isterinya sedang memasak.

"Papa mahu solat? Aish panjat belakang, boleh?" sapa anak tunggal Hisham. Baru usia tiga tahun tetapi petah.

"**Haip**, tak boleh! Jangan kacau papa solat."

"Okey, papa." Muka kanak-kanak itu sedikit sedih.

Hisham menebar sejadah, kemudian berdiri tegak sebelum mengangkat takbir. Usai membaca al-Fatiyah, dia terus rukuk dan sujud.

Semasa sujud, dia terasa ada orang memanjang belakang badannya.

'**Ish!** Suka betul Aish memanjang waktu aku solat. Sudah beri amaran pun dibuatnya,' bebelnya dalam hati.



Dari sujud, dia bangun untuk duduk. Berat.

'Ish! Adakah Aish sudah obes?'

Dia sujud semula dan bangun perlahan-lahan untuk rakaat kedua. Badannya condong ke depan disebabkan menahan berat.

Tiba-tiba kedengaran suara isterinya dari dapur, "Aish, kotorlah! Jangan buat begitu!"

"Baik, mama," sahut suara comel Aish, juga dari arah dapur.

Hisham berkerut kuat. Berderau darahnya. Bulu rompa terus meremang.

'Sekejap. Aish di dapur. Siapa panjat belakang badan aku?'

'Benda' yang memanjat badannya itu memeluk lebih kuat. Sipi-sipi menerusi anak mata, Hisham ternampak tangan berkuku tajam di bahunya. Ternampak juga helaian rambut hitam panjang berterbangan ditiuip kipas. Bau bangkai tiba-tiba mencucuk hidung.

'Allah.' Pandangan Hisham gelap gelita.

* * *

Seminggu kemudian. Di dalam surau. Lima minit sebelum azan maghrib.

Lelaki berjanggut panjang berjalan mendekati seorang lelaki yang sedang duduk sendirian di tepi tiang.

"Assalamualaikum."

Hisham menoleh.
"Waalaikumussalam, pak cik."

Lelaki berjanggut panjang duduk bersila. "Alhamdulillah. Datang juga kamu ke surau."

"Ya, alhamdulillah. Saya sudah serik solat sendirian."

"Serik? Mengapa?"

"Serik dikacau 'serigala', " balas Hisham yang baru sembahul selepas demam panas selama seminggu.

* * *

مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمْ
الصَّلَاةُ إِلَّا قَدْ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ،
فَعَلَيْكَ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذُّبُّ الْقَاصِيَةَ

"Tidak ada manusia yang hidup bertiga atau lebih di suatu kampung, yang tidak mendirikan solat berjemaah, melainkan syaitan pasti akan menguasai mereka. Oleh itu, bergabunglah dengan jemaah, kerana sesungguhnya serigala itu akan memakan kambing yang sendirian (terlepas dari kelompoknya)."

(Hadis Riwayat Abu Daud, no. 547)



SEMANGAT







Semangat


HEBATNYA SAINTIS ISLAM

Kamera Lubang Jarum

Individu pertama yang menyedari cahaya memasuki ke dalam mata ialah ahli matematik, astronomi, dan fizik Islam pada abad ke-10, bernama Ibnu al-Haitham.

Beliau mencipta kamera lubang jarum pertama digelar 'Obscura' (dalam bahasa Arab, digelar 'Qamara' yang bermaksud bilik gelap) iaitu selepas memerhatikan cahaya menembusi lubang tingkap.

Hasil kajian beliau mendapati, lebih kecil lubang pada kamera, lebih jelas gambar yang terhasil.



Jam Gajah

Jam Gajah ialah jam automatik pertama yang digerakkan dengan menggunakan kuasa air. dicipta oleh Al-Jazari.

Jam ini dapat menunjukkan waktu dengan tepat, setiap hari, selama setahun. Sistem gear ciptaan Al-Jazari ialah sistem gear pertama yang berfungsi mengubah pengaliran air ke arah horizontal bagi mengendalikan sebuah pam penyedut.



Equatorium dari Parsi abad ke- 18

Direka oleh Abu Ishaq Ibrahim al-Zarqali di Sepanyol sekitar 1015 M. Sebuah alat komputer analog mekanikal. Fungsinya ialah menentukan kedudukan bulan, matahari, dan planet tanpa perlu membuat kiraan matematik.



Alat Pembedahan

Abu Al-Qasim Al-Zahrawi telah mencipta banyak alat pembedahan, contohnya alat pemeriksaan telinga dan saluran kencing. Beliau digelar Bapa Bedah Moden pada tahun 936-1013 M.





KUMBANG

Bilik 120.

Tok! Tok!

Aiman mengetuk pintu bilik. Seorang lelaki berbangsa Cina menguak pintu dari dalam. Bruce namanya.

"Kamu sudah siapkan tugasan subjek elektromagnet?" tanya Aiman.

"Sudah. Semalam sudah siap. Kamu mahu tiru? Boleh!" Bruce tersengih.

Aiman menggeleng, turut tersengih. "Saya datang ke universiti untuk belajar, tetapi bukan belajar meniru."

"Habis itu, kamu mahu apa?"

"Saya mahu lihat cara kamu selesaikan soalan nombor tiga. Boleh?"

"Boleh, boleh. Masuklah." Bruce berjalan ke arah meja. Aiman melangkah masuk ke dalam bilik. Bersepah.

"Nah!" Bruce menghulurkan helaian tugasan yang sudah siap dicetak. Kemas hasil kerja dia, berlawanan daripada keadaan biliknya.

Aiman mencapai dan meneliti hasil tugasannya. Lama dia merenung salah satu halaman. Sesekali jemarinya bergerak-gerak.

"Oh, begitu rupa-rupanya! Saya sudah faham! Terima kasih, terima kasih!" Aiman memulangkan helaian tugasannya.

Sebelum Aiman sempat melangkah ke pintu, Bruce berbisik, "Hei, saya baru muat turun cerita yang tidak senonoh! Mahu tengok?"

Pelajar Cina itu tersenyum nakal.

Aiman segera faham. "Tak apalah. Saya tidak boleh tonton benda-benda begitu. Kamu tengoklah sendiri."

"Cerita itu seronok! Tidak rugi tonton. Pergilah tengok di komputer saya. Jangan risau, saya rahiaskan daripada orang lain." Bruce cuba menghasut.

"Kamu boleh rahiaskan daripada Tuhan saya?" tanya Aiman. Serius bercampur seloroh. Senyumannya mengusik.

Bruce terdiam seketika. Buntu. Kemudian dia menghemus nafas lemah. "Baiklah, baiklah! Saya tahu, agama kamu tidak benarkan tengok benda-benda begitu. Cuma, saya tidak faham satu benda."


"Apa dia?"

"Mengapa kamu begitu takut kepada Tuhan, sedangkan kamu tidak nampak Dia? Saya tidak faham." Kerutan tercetak pada dahi Bruce. Jelas dia tidak berniat menyenggung. Sekadar bertanya.

Aiman diam sebelum membala, "Saya nampak ada kumbang masuk ke bilik kamu tadi."

Terus mata Bruce jadi bulat. Mulutnya terlopong. "Ku-kumbang apa? Jangan main-main! Kamu tahu saya fobia serangga!"





"Pandai-pandailah.
Saya tak berbohong. Terima
kasih atas bantuan tadi."
Aiman beredar sambil
tersenyum, berlawanan
dengan raut wajah Bruce
penuh kerisauan.

* * *

Bilik 124.

Tok! Tok! Tok!

Aiman bergegas ke pintu.
Bruce sedang berdiri di luar biliknya dengan
wajah pucat lesi.

"Ada apa?" tanya Aiman.

"Tolong saya, boleh?"

"Apa yang boleh saya tolong?" tanya Aiman lagi.

Bruce menarik nafas panjang. "Saya tidak senang hati.
Selepas kamu kata ada kumbang di dalam bilik saya, terus
saya cuba cari, tetapi tidak jumpa. Saya tidak boleh buat
apa-apa...." Suaranya sedikit serak.

Aiman mengangguk. "Biar saya tolong cari...."


* * *

Bilik 120.

Aiman berdiri di atas kerusi. Perlahan-lahan jarinya merapati seekor kumbang sebesar guli di atas almari besi. Dua jarinya berjaya mengepit tubuh kumbang hidup itu, lalu segera dia ke tingkap dan melempar kumbang itu keluar.

Dengan pantas, Bruce menutup tingkap rapat-rapat. Dia tidak mahu kumbang itu masuk semula ke dalam biliknya.

"Terima kasih banyak!" ucap Bruce dengan bibir yang sudah kurang pucat.



"Sama-sama."
Aiman tersenyum.
"Apa perasaan kamu
semasa kumbang ini ada
di dalam bilik?"

Bruce diam seketika.
"Saya rasa tidak senang hati.
Kamu kata ada kumbang
masuk ke bilik saya, tetapi saya
tidak jumpa kumbang itu. Jadi, saya rasa seperti kumbang
itu ada di mana-mana. Seolah-olah dia merayap di bawah
meja, kipas siling, bawah selimut, di dalam baju. Takut!"

Senyuman Aiman melebar. "Sama juga seperti saya. Saya
tidak nampak Tuhan, tetapi saya tahu Dia ada, membuatkansaya
rasa Dia ada di mana-mana. Saya rasa Dia ada di sebelah
saya setiap masa. Kalau saya tonton cerita yang bukan-
bukan, Dia melihat segala perbuatan saya. Malaikat di kiri
dan kanan saya juga mencatat segala kelakuan saya. Sama
juga apabila saya buat kesalahan yang lain. Jadi, bila masa
saya boleh buat dosa tanpa rasa malu dan takut?"

Kelu lidah Bruce. Dia mula memahami dan menghormati
pendirian Aiman.

TAMAT



Tips
Padu

TIP: MENGELAK RASA TAKUT

Tahukah adik-adik? Takut ialah sejenis perasaan yang menimpa semua orang, sama ada orang dewasa atau kanak-kanak, lelaki atau perempuan. Perasaan ini bagus dalam situasi tertentu. Rasa takut ialah satu cara bagi melindungi diri daripada kemalangan dan ancaman.

Akan tetapi, perasaan takut yang berlebih-lebihan boleh meninggalkan kesan buruk ke atas diri kita iaitu gangguan jiwa. Dalam Islam, ada beberapa tip bagi mengurangkan atau mengawal perasaan takut.

Pertama, perbanyakkan zikir dan solat dalam kehidupan. Allah berfirman yang bermaksud:



**SESUNGGUHNYA MANUSIA
DIJADIKAN BERTABIAT RESAH
GELISAH (LAGI BAKHIL
KEDEKUT). APABILA DITIMPA
KESUSAHAN, DIA RESAH
GELISAH. DAN APABILA DIA
BEROLEH KESENANGAN, DIA
SANGAT BAKHIL KEDEKUT;
KECUALI ORANG-ORANG YANG
MENGERJAKAN SOLAT,
IAITU MEREKA YANG TETAP
MENGERJAKAN SOLAT."**

(Surah al-Ma'arij, ayat 19 hingga 23)



Kedua, beranikan diri. Ubah minda supaya lebih positif dan tidak hanya fikirkan bahaya. Yakinkan diri bahawa tindakan kita selamat daripada ancaman. Allah suka orang yang berani.

Ketiga, perbanyakkan membaca kisah-kisah peperangan pada zaman Nabi Muhammad SAW. Dengan itu, kita boleh jadi lebih berani. Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

AJARKANLAH ANAK-ANAK KAMU TIGA PERKARA: CINTA NABI KAMU, CINTA KALM KELUARGANYA, DAN BELAJAR MEMBACA AL-QURAN.”

(Riwayat al-Thabarani)

Keempat, perbanyakkan bergaul dengan rakan-rakan supaya dapat mendidik jiwa menjadi orang yang berani.

Marilah kita menjadi insan yang berani. Berani yang berpada-pada dan kena pada tempatnya.



Celik
Doa

DOA KETIKA BERASA TAKUT

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

"Cukuplah Allah bagi kami dan
Dialah sebaik-baik penolong."



DOA MEMPEROLEHI ILMU YANG BERMANFAAT

اللّهُمَّ أَغْنِنِي بِالْعِلْمِ وَزِينِي
بِالْحِلْمِ وَأَكْرِمْنِي بِالتَّقْوَىٰ
وَجَمِّلْنِي بِالْعَافِيَةِ

"Ya Allah, kayakanlah aku dengan ilmu, hiasi diriku dengan budi pekerti, muliakan aku dengan ketakwaan, dan baguskan diriku dengan kesihatan."





Celik
Doa

DOA MENGELAK KEMUDARATAN

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ
اَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

"Dengan nama Allah, yang dengan sebab nama-Nya, tidak ada sesuatu apa pun di bumi ataupun langit yang dapat memberi mudarat (mendatangkan bahaya). Dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."



ADIWIIRA MUKMIN





Sayang
Nabi

Amalan Rasulullah

وَسَلَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
dalam 24 Jam

Rasulullah SAW dan Makanan



Tahukah adik-adik? Rasulullah SAW sangat menjaga adab apabila duduk di hadapan makanan. Perbuatan Baginda sangat mulia dan patut adik-adik contohi. Berikut ialah adab-adab Rasulullah SAW sebelum, semasa, dan selepas makan.

Sebelum Makan:

- Rasulullah SAW memilih makanan dan minuman yang halal, sihat, dan dapat menguatkan tubuh badan untuk beribadat.
- Mencuci kedua-dua tangan sebelum makan.
- Meletakkan hidangan makanan di atas alas.
- Duduk secara tawaduk, iaitu duduk di atas kedua-dua lutut, atau duduk di atas punggung. Kedua-dua kaki, atau duduk dengan kaki kanan ditegakkan dan punggung di atas kaki kiri.
- Reda terhadap makanan yang dihidangkan.
- Makan bersama-sama orang lain, iaitu sahabat, tetamu atau ahli keluarga.



Semasa Makan:

- Rasulullah SAW makan dengan mengucapkan "Bismillah".
- Mengurangkan suapan dan melebihkan kunyahan.
- Mengambil makanan yang berdekatan dengan Baginda.
- Rasulullah SAW membersihkan makanan yang terjatuh dan memakannya.
- Tidak meniup makanan yang masih panas, dan tidak memakannya dalam keadaan terlalu sejuk.



- Tidak makan terlalu kenyang sehingga melampaui batas.
- Tidak memandang orang lain ketika makan, takut menimbulkan rasa malu dan canggung.
- Mendahului tetamu, orang-orang tua, dan sahabat sebelum mengambil makanan.
- Menjilat hujung jari-jemari sebelum mencuci tangan.

Selepas Makan:

- Rasulullah SAW mengutip sisa makanan yang terjatuh supaya tempat makan bersih.
- Membersihkan sisa-sisa makanan yang ada di celah gigi, dan berkumur untuk membersihkan mulut.
- Berzikir dan membaca doa sesudah makan.



Makan untuk Sihat

Celik
Perubatan



Pokok perlu disiram setiap hari, diletakkan di tempat yang sesuai, dibaja, dan dijaga sebaik mungkin supaya buah atau bunga yang terhasil sangat baik. Begitu juga tubuh kita. Semua anggota badan perlu dijaga sebaik-baiknya.

Kesihatan tubuh badan perlu dijaga supaya tidak cedera dan sakit. Minda perlu dijaga dan diperkuatkan supaya kita menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat. Hati dan rohani kita perlu dijaga supaya kita sentiasa berada di landasan yang betul sesuai dengan ketetapan Allah. Emosi juga perlu dijaga supaya kita dapat menjalani hidup dengan bahagia.

Tahukah adik-adik, bagaimana cara menjaga diri kita dengan baik? Bagaimana cara menjaga tubuh, akal fikiran, hati nurani, dan emosi supaya hidup kita seimbang dan selamat?

Berikut ialah beberapa cara menjaga angota badan kita:

MAKAN MAKANAN YANG BAIK DAN BERKHASIAT

Dalam al-Quran, manusia disuruh makan makanan yang halal dan baik. Allah menegaskan hamba-Nya supaya mencari dan memakan makanan yang baik lagi halal. Mengambil makanan yang halal dan bersih itu sangat penting kepada kesihatan tubuh badan.

Allah mengurniakan banyak rezeki di seluruh alam ini untuk kegunaan kita. Makanan-makanan halal sangat banyak hingga tidak terhitung.

Makanan-makanan halal, contohnya daging ayam, lembu, kambing, ikan, sotong, dan udang mudah didapati dan berkhasiat. Namun jika salah cara pengendalian, makanan itu menjadi haram seperti haramnya memakan daging ayam yang tidak disembelih.

Mengapa Allah mengharamkan haiwan yang tidak disembelih? Ini kerana, Allah mengetahui kesan buruk yang menimpa jika kita makan haiwan yang tidak disembelih, contohnya ayam yang mati dilanggar kereta.

Allah memelihara manusia melalui hukum-hakam-Nya yang adil. Memakan makanan yang baik sangat dituntut dalam Islam. Ini kerana, tubuh kita terbentuk daripada makanan yang diambil. Kalau makanan kita baik, maka baiklah tubuh badan dan akhlak kita.

KURANGKAN MAKANAN RINGAN DAN SEGERA

Adik-adik suka makan makanan ringan seperti jajan, gula-gula, ais krim, dan mi segera? Semua makanan ini perlu dielakkan kerana tidak berkhasiat.

Makanan ringan bukan makanan yang baik. Jika makan terlalu banyak, bahan kimia yang terkandung di dalamnya boleh memudaratkan kesihatan.

Bahan perasa seperti monosodium glutamat banyak dicampurkan dalam makanan ringan. Monosodium glutamat boleh menjelaskan memori jika diambil banyak, serta boleh mengakibatkan gangguan saraf dan otak.

Adakah adik-adik suka makan coklat yang berwarna-warni? Walaupun kelihatan cantik, semua itu tidak elok dimakan. Warna-warna itu terhasil daripada bahan kimia, yang jika diambil terlalu banyak, boleh mengakibatkan kanser.

Itu antara contoh makanan ringan yang perlu dielakkan. Ada banyak lagi makanan yang lebih baik, oleh itu, pilihlah makanan yang halal, bersih, dan menyihatkan.





Cerpen



PENCURI BISU

Tok Jaha sedang duduk bersila di ruang tamu rumah. Dia mengalunkan bacaan ayat ke-11 surah al-Hujurat, yang bermaksud:

'Hai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik daripada mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik.'

Kucing kesayangan Tok Jaha berbaring di tepi pahanya, seolah-olah menghayati bacaan yang merdu dan mendayu-dayu itu.

"Tok imam!" Tiba-tiba ada suara melaung dari hadapan pintu rumah.

"Sadaqallahul `azim." Tok Jaha terpaksa menghentikan bacaan. Dia bangun berdiri dan berjalan ke arah pintu. Langkah dia sedikit terhincut disebabkan kaki semut-semut.

"Ada apa, Mail? Mana pergi salam?" soal Tok Jaha dari muka pintu.

"Salam ada di rumah dialah agaknya, Tok. Mengapa tanya saya?" soal si Mail semula. Muka pemuda itu dibasahi peluh dengan nafas termengah-mengah.

"Tok maksudkan, ucapan salam. Bukan Abdul Salam kawan baik kamu itu," jawab Tok Jaha. "Apa yang boleh tok bantu?"

"Kami berjaya tangkap pencuri di surau kita, tok! Pencuri itu tarik duit tabung!" ujar Mail dengan penuh semangat.

"Pencuri?" Tok Jaha terkejut. "Dia di mana sekarang?"

"Dia ada di surau, tok. Dol sedang jaga. Marilah ke sana sekarang. Tok perlu jumpa dia dan jatuhkan hukuman!" Mail mengangkat sepasang selipar jepun milik Tok Jaha dan meletakkannya di hadapan kaki Tok Jaha.

"Yalah, mari ke sana," balas Tok Jaha sambil menyarung selipar.

Mereka berdua tiba di hadapan pintu surau. Tok Jaha beristighfar sebaik melangkah masuk. Dia nampak seorang lelaki muda diikat kuat pada tiang seri surau dan sedang dijaga oleh Dol.

"Mengapa sampai diikat?" soal Tok Jaha sambil merapati lelaki muda yang didakwa pencuri itu. "Kamu sudah siasat? Memang dia curi duit tabung?"

"Memang terbukti, Tok Imam," balas Dol.



Dol memberi isyarat tangan dan Mail terus menayangkan skrin telefon di hadapan muka Tok Jaha.

"Kamu mahu tunjuk telefon baru?" soal Tok Jaha.

"Bukanlah, tok. Kami mahu tunjuk bukti yang budak ini mencuri duit tabung!" jawab Mail.

Tok Jaha melihat rakaman video yang dimainkan pada skrin telefon. Video itu menunjukkan pencuri bertinggung di hadapan tabung masjid dan menarik wang kertas. Kemudian si pencuri berdiri dan masukkan wang ke dalam poket seluar. Si pencuri bergegas menuju ke arah pintu surau. Tiba-tiba Dol bersama Mail keluar dari persembunyian dan menangkap si pencuri.

"Telefon canggih tapi kualiti video seperti dirakam guna telefon 3310," ujar Tok Jaha. "Kamu berdua sudah soal siasat dia?"

"Kami tidak dapat soal siasat dia, tok," balas Dol. "Si pencuri ini bisu. Tidak boleh bercakap. Sudahlah bisu, mencuri pula!"

Lelaki bisu itu tertunduk merenung karpet surau yang nampak bersih tetapi hakikatnya sudah hapak kerana lama tidak dicuci. Tok Jaha merapati lelaki bisu yang masih terikat ketat pada tiang seri.

"Adakah benar kamu mencuri duit tabung surau?" soal Tok Jaha, lembut suaranya.

Lelaki bisu itu mengangkat kepala, kemudian menggeleng. Dia membuka mulut dan cuba mengatakan sesuatu, tetapi hanya kedengaran bunyi seperti 'ek', dan 'ak'.

"Dol, lepaskan ikatan dia," Tok Jaha.

"Eh? Mengapa tok mahu lepaskan si pencuri?" soal Dol, kebingungan.

"Tok minta lepaskan ikatan dia saja, bukan lepaskan dia pergi."

Selepas dilepaskan daripada ikatan, lelaki bisu itu terduduk dan mengusap-usap tangannya yang naik kebas.

"Apa hukuman yang kita perlu jatuhkan ke atas dia, tok?" soal Dol sambil bercekak pinggang di hadapan lelaki bisu. "Sebatan? Rejam? Sula? Selepas kita jatuhkan hukuman, barulah kita hantar dia ke polis. Biar dia serik dan tidak lagi curi duit surau!"



"Sabar dulu, Dol, Mail. Jangan terlalu cepat jatuhkan hukuman sedangkan belum terbukti dia mencuri," ucap Tok Jaha. Dia meraba-raba janggutnya yang sejengkal panjang. Gaya dia seperti detektif terkenal.

"Belum terbukti?" Mata Dol bulat besar hingga hampir saja terkeluar dari soket. "Bukankah ada bukti video yang tunjukkan dia ambil duit dari tabung surau? Bukti apa lagi yang tok mahu dustakan?"

"Video itu memang tunjukkan yang dia tarik duit dari tabung dan berjalan keluar dari surau. Tapi apa yang berlaku sebelum itu, kamu ada rakam?" soal Tok Jaha.

"Apa yang berlaku sebelum itu tidak penting, tok!" Dol geram hingga gigi dia terketap-ketap. "Yang pentingnya sudah ditunjukkan dalam video saya! Ish, mengapa tok berpihak pada si pencuri bisu ini? Cara tok cakap kepada dia pun lemah-lembut. Patutnya kita ramai-ramai pukul dia!"

Tok Jaha membalias, "Pertama, tok tidak memihak pada dia. Tok memihak pada kebenaran. Kedua, sedangkan Allah suruh Nabi Musa berlemah-lembut kepada Firaun. Yang ketiga, tok cuma mahu tabayyun iaitu menyiasat kebenaran berita yang kamu bawakan ini bagi mengelakkan berlakunya fitnah. Mari, semua ikut tok."

Tok Jaha berjalan ke sebuah bilik kecil berdekatan mimbar. Dol dan Mail mengekori sambil menarik lelaki bisu itu.

Mereka memasuki bilik kecil itu, yang di dalamnya terdapat sebuah komputer. "Kita semak satu lagi sumber, iaitu TV Masa. Dengan alat ajaib TV Masa ini, kita boleh saksikan semula kejadian yang sudah berlaku. Kita boleh lihat masa silam."



Dol berkerut dan saling berpandang dengan Mail. "Tok, bukankah itu CCTV?"

"Yalah. Nama lain dia, CCTV. Biarlah tok letak nama apa pun. Tok yang beli benda ini guna duit tok sendiri," balas Tok Jaha sebelum duduk di hadapan komputer dan menggerak-gerakkan tetikus.

"Inilah rakaman yang tok cari, iaitu sebelum dia menarik duit dari tabung," ujar Tok Jaha.

"Tiada apa lagi yang perlu dilihat, tok. Video rakaman kami sudah cukup kuat sebagai bukti. Tapi tak apalah. Demi memuaskan hati tok, kita sama-sama tengok," ujar Dol manakala Mail mengangguk-angguk. Mereka berdua tersengih penuh yakin.

Tok Jaha menekan ikon segi tiga kecil pada tetingkap video. Rakaman menunjukkan, si lelaki bisu masuk ke dalam surau dan bersolat sunat dua rakaat. Selepas selesai solat, lama dia duduk menadah tangan.

"Bertaubat agaknya. Banyak sangat dosa," ucap Mail dengan selamba.

"Tapi lepas itu mencuri pula. Betul punya munafik budak ini!" Dia picit-picit lengan lelaki bisu itu kerana terlalu geram.

Selepas habis berdoa, lelaki bisu itu berdiri dan berjalan ke arah tabung surau. Di hadapan tabung, dia menyeluk poket dan mengeluarkan duit kertas RM50. Dia melipat duit RM50 itu dan memasukkan ke dalam tabung. Kemudian dia berjalan ke arah pintu.

"Eh?" Dol dan Mail saling berpandang dan berbisik-bisik dengan muka hairan.

"Apa yang berlaku? Mengapa dia masukkan duit pula?"

"Rakaman belum habis. Tengok dulu!" tegur Tok Jaha. Perhatian mereka kembali terarah pada rakaman video yang baru dimainkan separuh.

Ketika lelaki bisu itu berjalan ke pintu surau, tiba-tiba dia berhenti dan menepuk dahi.



Dia bergegas kembali ke hadapan tabung surau. Dia menarik keluar duit RM50 yang dia masukkan tadi. Dalam lipatan RM50 itu terdapat sehelai not RM5. Dia memasukkan duit RM5 ke dalam poket, manakala duit RM50 dimasukkan semula ke dalam tabung surau. Sesudah itu si lelaki bisu bangun dan berjalan keluar dari surau, sebelum Dol dan Mail datang menyerbu.

"Apa yang berlaku?" Dol dan Mail keliru.

Tok Jaha bangun dari kerusi dan berdiri menghadap dua pemuda itu. "Lelaki bisu yang kamu katakan pencuri ini, sebenarnya ada RM55 dalam poket dia. Dia mahu sedekahkan RM50 kepada surau kita. Cuma, dia tidak perasan duit RM5 terselit dalam RM50. Duit RM5 itu sajalah baki yang dia ada, cukup untuk buat tambang balik rumah dan beli makan malam. Sebab itulah dia sanggup tarik semula duit sedekah yang dimasukkan."

Dol dan Mail ternganga, bagai tidak percaya. "Bagaimana tok tahu semua itu sedangkan budak ini bisu?"

Tok Jaha berdecit dan menggeleng-geleng. "Itulah kamu, jarang sangat datang ke surau. Budak bisu ini setiap hari datang ke surau. Solat di belakang tok. Kami selalu berborak, tapi bukan guna suara. Guna bahasa isyarat. Sebab itulah tok boleh jelaskan semuanya. Tok kenal dia! Nama dia Dzul, dengan huruf D di depan."

Dol dan Mail tertunduk malu.

"Maaf, Dzul. Kami tuduh kau pencuri!" Akhirnya ada jugalah benda baik yang Dol dan Mail lakukan dalam cerita ini, iaitu meminta maaf.


Dzul mengangguk senyum sebagai tanda memaafkan.

Tok Jaha turut senyum kerana masalah tadi sudah terlerai menjadi kisah yang penuh pengajaran dan hikmah. Sungguh, kalauolah dia tidak bekerja sebagai imam surau, tentu dia sudah menjadi detektif terkenal.

Kalau ...



Robo Jim



كُفْتِيْعَنْ مِنْوَنْتُوتْ عَلْمُو

كیت سباکای فلاجر
مستی منونتوت علمو .
علمو يغ دفلاجری دافت
ممبنتوق فریبادی يغ
سمقورنا .



كليبهن اورغ
يغ برعلمو ...



دافت ملقساناکن
فرینته الله دعن
سباءيق-باءيقن .



رسول الله صلی الله علیه وسلم برسیدا :
منونتوت علمو ایاله فرض
باکی ستیاق اورغ إسلام .

- رواهه ابن ماجه -

قال رسول الله (ص)
طَلْبُ الْعِلْمِ فَرِيْضَةٌ
عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ





منوليس دان ممباچ

الله

سوڠکوه

ديري肯

دغنكو

دويون

دتمان

مولوت

علمو

سالين ڦركاتاءن داٽس کدام رواڻ کوسوڻ
برگاريس دباوه.

سهاري سونتوق _____
باچاءن ، _____

مموكت _____
دلاءوتن بوکو:

سرونوچ ممباچ القرءان ، _____

. _____ تراسا الله برچاڪڻ

ڦنوهکن ڦيتق ۲ کوسوغ برداسركن راجه دباوه.

2	1	4	3
4	1	2	3
1	3	2	4
4	2	1	3



ا

چاري ڦريذاءن.
بولتكن سقولوه ڦريذاءن يغ ترداشت دام راجه (B).

A

قوتوس تالي بوليه دسامبوغ
ڦاته ارغ قوتوس سکالي .

B

ڦونوس يالي نوليه ڏساميوغ
ڦايه اوغ قوتوس سکالي.

TUGAS KECIL



TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN

Dalam penyusunan Tafsir Pedoman Muttaqin ini, penulis menghuraikan satu persatu ayat dalam setiap juzuk daripada juzuk 1 hingga ke 6 dalam bentuk yang ringkas dan mudah difahami. Tafsir ini dilengkapi dengan munasabah, perincian inti pati ayat dan pengajaran serta saranan yang berkaitan. Tafsir ini turut menitikberatkan penjelasan ayat-ayat Al-Quran dengan ungkapan yang teliti serta menjelaskan makna-makna yang dimaksud dalam Al-Quran dengan bahasa yang indah dan menarik dan menghubungkan ayat dengan realiti sosial dan sistem kehidupan manusia.

1 Set: 6 Jilid Buku
(6 Juz Al Quran)

Oleh: Datuk Dr. Abd Hayei
bin Abdul Sukor



Buku ini diterbitkan oleh JAKIM

TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN

1 Set: 6 Jilid Buku
(6 Juz Al Quran)

Oleh: Datuk Dr. Abd Hayei
bin Abdul Sukor



Buku ini diterbitkan oleh JAKIM

Dalam penyusunan Tafsir Pedoman Muttaqin ini, penulis menghuraikan satu persatu ayat dalam setiap juzuk daripada juzuk 1 hingga ke 6 dalam bentuk yang ringkas dan mudah difahami. Tafsir ini dilengkapi dengan munasabah, perincian inti pati ayat dan pengajaran serta saranan yang berkaitan. Tafsir ini turut menitikberatkan penjelasan ayat-ayat Al-Quran dengan ungkapan yang teliti serta menjelaskan makna-makna yang dimaksud dalam Al-Quran dengan bahasa yang indah dan menarik dan menghubungkan ayat dengan realiti sosial dan sistem kehidupan manusia.

TIDAK FAHAM



Saya sudah tumpukan perhatian di dalam kelas semasa cikgu mengajar, tetapi masih lagi tidak faham.



Saya sudah baca buku teks dan buku rujukan di perpustakaan, tetapi masih lagi tidak faham sepenuhnya.



Apa kata kamu cari maklumat di Internet? Kamu boleh belajar melalui YouTube.

Apa? Boleh belajar melalui YouTube? Selama ini saya gunakan YouTube untuk tonton animasi saja.

PEMBELAJARAN MELALUI INTERNET



Internet bukan sahaja tempat untuk melayari media sosial dan berhibur. Terdapat jutaan kandungan pendidikan yang boleh dimanfaatkan.

ENJIN CARIAN



Gunakan enjin carian seperti Google dengan betul. Untuk mencari maklumat lebih lanjut berkaitan satu topik, masukkan kata kunci yang betul di Google Search. Contohnya, jika anda mahu memahami proses fotosintesis, cari ‘proses fotosintesis’ di Google Search.

BELAJAR DI YOUTUBE



Jika anda mahu memahami konsep yang rumit, gunakan video pendidikan di YouTube sebagai bahan rujukan. Contohnya, menonton video berkaitan arus elektrik membuatkan kita lebih mudah faham berbanding membaca buku teks.

LAMAN SESAWANG PENDIDIKAN



Ada banyak laman sesawang yang memberikan bahan pendidikan percuma seperti Wikipedia, Khan Academy, Coursera, Udemy, dan TED-Ed, bergantung pada subjek dan topik yang kita mahu pelajari.

KELAS ONLINE



ADAB BERGURU ONLINE

Walaupun medium berbeza, adab berguru perlu dijaga.



HADIR TEPAT PADA WAKTU

Hadirkan diri dalam kelas online tepat pada waktu. Jika kelas online bermula pada jam 9.00 pagi, bersedia dan duduk di hadapan komputer atau telefon 10 hingga 15 minit lebih awal.

MUTE MIKROFON

Tutup mikrofon semasa guru sedang mengajar. Hidupkan mikrofon hanya apabila perlu, contohnya bagi menjawab soalan guru atau bertanya soalan.




TERIMA KASIH!

UCAPKAN TERIMA KASIH

Jangan terus beredar selepas tamat kelas. Ucapkan terima kasih kepada guru yang mengajar.

Celik
Akademik
Afiq Salam





Misi Kuasai Bahasa Arab

ماذا تَفْعِلُنَّ يَا أَخْتِي؟

Apa yang kakak lakukan?



أَدْرُسُ الْلُّغَةَ الْعَرَبِيَّةَ.

Kakak sedang belajar bahasa Arab.



دَرَسْتُهَا أَيْضًا فِي الْمَدْرَسَةِ . لَكِنَّ الْقَلِيلَ فَحْسُبُ. إِنَّ الصَّعْبَةَ !

Saya ada belajar sedikit di sekolah.
Bahasa Arab susah!



أَوْاْفِقُكَ يَا أَخِي. إِنَّ الصَّعْبَةَ بَعْضُ الشَّيْءِ وَلَكِنَّ إِتقانَ اُمْنَتْفِعَ بِّقَ !

Ya, bahasa Arab memang sedikit mencabar. Tapi, amat berbaloi kalau kita berjaya kuasai bahasa Arab.



وَ كِيفَ ذَلِكَ يَا أَخْتِي؟

Mengapa pula, kakak?

أَوْلَى ، إِنَّا دَانَ لِلْغُلَّةِ الْقُرْآنَ الْكَرِيمَ وَالْحَدِيثَ النَّبُوِيِّ الشَّرِيفِ . فَإِتقانَ اُسَّ سَ يُسْهِلُنَا لَنَا فَهْمَ الْكِتَابِ وَالْحَدِيثِ أَكْثَرَ

Pertama sekali, bahasa Arab ialah bahasa Al-Quran dan hadis. Kalau kita kuasai bahasa Arab, mudahlah kita memahami Al-Quran dan Sunnah.



أَوْلَيْسَ تُ هَنَاكَ تَرْجِمَاتُ الْقُرْآنَ وَالْحَدِيثِ يُ كِنْ أَنَّ نَعْتَمَدَ عَلَيْهَا حَتَّى يُقْقَلَنَا الْفَهْمَ ؟

Bukankah ada Al-Quran dan hadis ada terjemahan?

بَالِي، لَكْنْ إِتْقَانُ الْيَقُودُنَا إِلَى السُّتْرَيَابِ الْأَرْقَى بِكَثِيرٍ .
قَارِنْ يَا أَخِي بَيْنَ الْأَفْلَامِ الْأَجْنبِيَةِ الْمُتَجَمَّهَةِ وَالْأَفْلَامِ الْمَلَائِيُوَيَةِ ،
أَيِّ تُهْمَاهَا الْأَسْهَلُ فَهُمَا وَاسْتِيْ عَابِ بِرَأْيِكَ ؟

Memanglah ada, tapi lebih mudah menghayati jika kita faham bahasa Arab. Antara filem bahasa asing berserta sari kata dan filem bahasa Melayu, mana lebih mudah difahami dan dihayati?



قِي. لَحَظْتُ عِنْدَمَا أُشَاهِدُ الْأَفْلَامِ الْأَجْنبِيَةِ ، سَأَقِرُّ الْكَلْمَاتِ الْمُتَجَمَّهَةَ أَكْثَرَ بَدَلٌ مِنْ أَنْ أَنْظُرَ لِلْغَایَهِ . وَمَنْ نُيْتَقِنُهَا فَإِنَّهُ مِنْ الْمُحْظَوْظِينَ حَقًّا

Betul juga. Kalau tonton filem bahasa Inggeris, Akim banyak membaca sari kata saja. Kadangkala tak sempat lihat gambarnya. Kurang penghayatan berbanding tonton filem bahasa Melayu yang Akim boleh faham.



قِي. لَحَظْتُ عِنْدَمَا أُشَاهِدُ الْأَفْلَامِ الْأَجْنبِيَةِ ، سَأَقِرُّ الْكَلْمَاتِ الْمُتَجَمَّهَةَ أَكْثَرَ بَدَلٌ مِنْ أَنْ أَنْظُرَ لِلْغَایَهِ .
وَمَنْ نُيْتَقِنُهَا فَإِنَّهُ مِنْ الْمُحْظَوْظِينَ حَقًّا

Ha, bukankah kakak dah cakap? Satu lagi, Saidina Umar R.A. iaitu sahabat Nabi sendiri berkata, ‘Pelajarilah bahasa Arab.’ Selain itu, bahasa Arab ialah bahasa yang amat indah. Untung kalau dapat kuasai!



وَاللَّهِ لَأَصْبِرُ عَلَى تَعْلِمِ هَا وَإِتْقَانِهَا! عَلِمْيَنِي
الْعَرَبِيَّةَ أَخْتِي

Wah! Kalau begitu, Akim pun mahu belajar juga bahasa Arab! Tolong ajarkan, kakak!



بِ لَطَبَعِ يَا أَخِي إِنْ شَاءَ اللَّهُ . لَتَتَعَلَّمُهَا مَعًا
حَتَّى تُقِنَّهَا عَمَّا قَرِيبٌ!

Boleh, insya-Allah. Bila kita berdua belajar bersama-sama, lebih cepat kita boleh kuasai.



Misi Kuasai
Bahasa Arab

BINA AYAT

Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ialah angkasawan pertama Malaysia.

Dr. Sheikh Muszaphar Shukor is the first Malaysian astronaut.

الدُّكْثُورُ الشَّيْخُ مُظَفَّرُ شُكُورٍ هُوَ أَوَّلُ رَائِدٍ فَضَاءً مَالَيْزِيَا

Abu Al-Nasr Al-Farabi ialah salah seorang ahli sains Islam yang berasal dari Farab, Kazakhstan.

Abu Nasr Al-Farabi who came from Farab, Kazakhstan was one of well known Muslim scientists.

أَبُو نَصْرِ الْفَارَابِيُّ هُوَ عَالِمٌ مُسْلِمٌ مِنْ وِلَايَةِ فَارَابِ
فِي كَازَخِسْتَانَ

Guru ialah insan yang perlu dihormati kerana pengorbanan mereka kepada kita.

Teacher is the person who must be respected because of his or her sacrifices towards us.

عَلَيْنَا أَن نَحْتَرِمُ الْمُعَلِّمِينَ لِتَضْرِبَهُم مِنْ أَجْلِنَا

Saya bercita-cita menjadi seorang doktor.

My ambition is to become a doctor.

أَمْنِيَّتِي أَنْ أَكُونَ طَبِيبًا

Rasulullah SAW dan isterinya, Saidatina Khadijah, ialah ahli perniagaan yang berjaya.

Rasulullah SAW and his wife Saidatina Khadijah were successful businessman and businesswoman.

رَسُولُ اللَّهِ (ص) وَزْوْجُهُ السَّيِّدَةُ خَدِيجَةُ مِنَ ا
الثُّجَارِ النَّاجِحِينَ


MARI BELAJAR BAHASA

BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB
Guru	Teacher	مُعَذِّمٌ
Doktor	Doctor	طِبِّيَّةٌ
Polis	Police	شُرُطِيٌّ
Tentera	Army	جُنْدُ
Angkasawan	Astronaut	رَائِدٌ فَضَاءٌ
Peguam	Lawyer	مُحَاكِمٍ
Hakim	Judge	قَاضِيٌّ
Jurutera	Engineer	مُهَنْدِسٌ
Juruterbang	Pilot	طَيَّارٌ
Wartawan	Reporter	صَحَافِيٌّ
Arkitek	Architect	مُهَنْدِسٌ مَعْمَارِيٌّ
Jururawat	Nurse	مُمَرَّضَةٌ
Akauntan	Accountant	مُحَاسِبٌ
Posmen	Postman	ساعِي البريد
Jurugambar	Photographer	مُصَوِّرٌ
Ahli Perniagaan	Businessman	تَاجِرٌ
Ahli Sains	Scientist	عالِمٌ
Bomba	Fireman	رَجُل إطفَاءٍ

PUASA

Lengkapkan teka silang kata di bawah.

Ruang
Aktiviti



MELINTANG

3. Kita perlu melewati-lewatkan makan _____.
4. Malam yang lebih baik daripada 1000 bulan.
7. Puasa ialah menahan diri dari lapar dan dahaga dari terbit _____ hingga terbenam matahari.
9. Kita dianjurkan bersolat _____ pada malam bulan Ramadan
10. Puasa tidak terbatas sekiranya makan atau minum disebabkan _____.
11. Kita berpuasa enam pada bulan _____.



KE BAWAH

1. Kita perlu segerakan _____ puasa.
2. Semasa bulan puasa, kita perlu banyak membaca _____.
5. Ramadan ditetapkan dengan melihat _____ di langit.
6. Pada bulan ini, umat Islam wajib berpuasa.
8. Makanan kegemaran Nabi semasa berbuka puasa.
11. Antara golongan yang dibenarkan tidak berpuasa ialah musafir dan orang _____.

Misi Membongkar Kod Rahsia

תְּפִירָה > תְּפִירָה
VEL >

Kak Jaja telah menulis satu kod rahsia. Adik-adik yang baik hati, tolong bantu Akim bongkarkan kod rahsia Kak Jaja. Adik-adik boleh rujuk gambar di bawah untuk membongkar kod rahsia itu:



Adik-adik sudah berjaya bongkar kod di atas? Sekiranya sudah, tolong tulis maksud tersirat kod rahsia di sini: _____



Akim perlu tiba di surau sebelum azan berkumandang.
Adik-adik, mohon bantu Akim supaya dia tiba di surau
dengan selamat.

Mula



Berjaya





Ruang
Aktiviti

CARI NAMA 25 ORANG RASUL

Cuba selesaikan
dalam masa 5 minit,
bermula dari ...
sekarang!

Adam, Idris, Nuh, Hud, Salleh,
Ibrahim, Luth, Ismail,
Ishak, Yaakub, Yusuf,
Ayub, Shuaib, Musa,
Harun, Zulkifli, Daud,
Sulaiman, Ilyas,
Ilyasa', Yunus,
Zakaria,
Yahya, Isa,
Muhammad




TAFSIR AL-WASIT

BUKU BAHARU



Jilid 2

Oleh: Prof Dr. Wahbah Al-Zuhaili



Kitab Tafsir Al-Wasit merupakan karya penulisan Prof. Dr. Wahbah Al-Zuhaili. Kitab ini diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi memudahkan para pencinta ilmu memahami tafsiran ayat-ayat al-Qur'an secara sederhana. Ayat-ayat al-Qur'an diuraikan mengikut susunan surah dalam al-Qur'an dengan diberikan subtajuk secara khusus bagi memudahkan para pembaca memahami kandungannya.

Kitab ini juga menjelaskan tentang sebab-sebab diturunkan ayat-ayat al-Qur'an. Diberikan penjelasan dengan sokongan hadith Nabi SAW bagi menguatkan penceitaan yang berlaku. Diharapkan dengan terbitnya kitab terjemahan Tafsir al-Wasit ini dapat menyemarakkan lagi usaha terjemahan kitab-kitab teras sebagai rujukan umat Islam sejagat. Marilah kita sama-sama melebarkan risalah dan menyantuni ummah.

BUKU BAHARU

ENSIKLOPEDIA FIQH ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)



- ✓ Islam adalah agama yang syumul dan tidak membezakan penganutnya melalui perbezaan bangsa, jantina, warna kulit ataupun kemampuan dalam menguruskan hidup.
- ✓ Termasuklah orang kelainan upaya.
- ✓ Buku ini merupakan penjelasan berkaitan isu-isu serta permasalahan fiqh berkaitan OKU dalam aspek ibadat, munakahat, muamalat dan jenayah



Ruang
Kreatif



Selamatkan Bumi dengan Kraf



Adakah adik-adik tahu? Bumi yang kita sayang ini sedang sakit! Kalau dibiarkan, lama-kelamaan Bumi menjadi tenat dan akhirnya mati. Sekiranya Bumi mati, di mana kita boleh tinggal?

Mengapa Bumi sedang sakit? Jawapannya, disebabkan pencemaran udara, air, bunyi, dan cahaya. Pencemaran menyebabkan suhu Bumi semakin panas (seperti kita juga apabila sedang demam).

Oleh kerana Bumi sedang sakit, maka Bumi telah menunjukkan reaksi seperti gempa bumi, puting beliung, tsunami, jerebu, dan banyak lagi! Semua reaksi ini boleh membahayakan nyawa manusia!


Nampak, adik-adik? Apabila kita buat perkara buruk (seperti membuat pencemaran), kesan buruknya kita sendiri yang tanggung.

Apa yang boleh kita buat untuk selamatkan Bumi?

Barang terpakai / terbuang

Kreativiti + Imaginasi

Barang yang cantik dan ada fungsi



Ada banyak cara untuk selamatkan Bumi, dan salah satunya ialah membuat kraftangan menggunakan bahan-bahan terpakai. Apa? Buat kraftangan pun boleh selamatkan Bumi?

Ya, benar. Sekiranya semua orang rajin membuat kraf daripada bahan buangan, insya-Allah kita mampu sembahukan Bumi daripada sakit.

Apa itu kraf? Kraf ialah aktiviti menukar barang yang kita tidak gunakan menjadi barang seni yang cantik dan ada fungsi. Untuk membuat kraf, kita memerlukan daya kreativiti dan imaginasi.

Barang terpakai atau terbuang ialah barang-barang yang kita sudah tidak gunakan.

Contohnya, penyedut minuman, beg plastik, dan batang ais krim.

Satu cara mengurangkan barang terbuang ialah kita tidak menggunakannya langsung. Contoh, amalkan minum tanpa menggunakan penyedut minuman.

Akan tetapi, sekiranya ada barang terbuang di rumah, maka kita boleh gunakan kreativiti untuk menghasilkan kraftangan.

Berikut ialah contoh barang kraftangan yang boleh dihasilkan daripada barang terbuang:

Ada banyak lagi benda terpakai dan terbuang yang boleh dijadikan kraf. Cuba adik-adik lihat di sekeliling. Kalau jumpa barang yang sudah tidak dipakai, cuba fikirkan cara untuk mengubah barang itu menjadi lebih cantik dan berguna. Pastikan minta kebenaran ibu bapa atau penjaga dahulu, ya.

Selamat berkreatif! Moga Bumi segera sembahuh, amin!

Barang Terpakai	Barang Kraftangan
Penyedut minuman	Bakul anyaman, bunga hiasan
Kertas	Origami, anyaman kertas, boneka
Cawan plastik	Pasu anak pokok, tabung
Batang aiskrim	Penanda buku, terendak lampu
Surat khabar	Bakul, seni tampalan
Botol kaca	Tempat letak pensel dan alat tulis



Cara-cara Melukis Oyen

Oyen ialah kucing unik yang berjiwa adiwira. Dia pantang nampak kucing lain dalam kesusahan, pasti dia datang menghulur bantuan. Adik-adik mahu cuba lukis Oyen? Mudah sahaja! Ikut langkah-langkah di bawah. Sediakan dahulu kertas dan pensel, ya.

1.



Lukis bentuk bujur seperti telur.

2.



Lukis telinga, dan bulu di atas kepala dan pipi.

3.



Lukis mata, hidung berbentuk segitiga, mulut, dan misainya yang unik.

4.




Tambah ikatan mantel di bahagian leher.

5.



Lukis badan berserta ekor yang panjang.

6.



Tambah mantel yang melayang ditiup angin.

7.



Kemaskan lukisan, pada garisan yang tidak perlu.



8.



Tambahkan garisan bulu-bulu, hitamkan mata dan misai. Untuk hasil yang lebih cantik, masukkan warna dan bayang. SIAP!

Melukis Masjid yang Indah

Masjid ialah rumah Allah. Tempat umat Islam berkumpul. Moga pandemik segera berakhir supaya kita boleh kembali memeriahkan masjid dan surau.



Bagi mengubati kerinduan pada masjid, cuba adik-adik lukis semula masjid itu. Adik-adik digalakkan melukis dengan berpandukan garisan grid. Sesudah siap lukisan, masukkan warna pula, ya. Biar cantik dan indah masjid yang dilukis itu. Selamat berkreatif!



Ruang
Kreatif

Misi Melengkapkan Lukisan

Adik-adik yang mulia, boleh bantu Akim dan Jaja? Tolong lengkapkan lukisan Akim dan Jaja di bawah. Selepas itu, tolong warnakan, ya. Terima kasih, adik-adik yang kreatif dan baik hati!




Isi Dialog dan Warnakan

Apa agaknya yang diperkatakan oleh Akim dan Jaja? Cuba adik-adik isikan belon dialog kosong di bawah dengan ayat yang sesuai dan menarik. Selepas itu warnakan, biar cantik dan indah. Selamat berkreatif!



CARA UMAT ISLAM MELAKSANAKAN PERINTAH ALLAH SWT

untuk menjadi Insan




- Mengenali Cara Hidup Islam
- Beriman Kepada Allah SWT
- Menyantuni Sesama Manusia



Buku ini menyediakan ayat-ayat al-Qur'an mengenai perbuatan baik sebagai amalan kehidupan.

Petikan daripada buku:




Nasihat untuk WANITA

“ Al-Quran menjelaskan kepada kita bagaimana ucapan yang baik boleh memberi kesan yang baik pada setiap masa. Ia melahirkan perasaan kasih sayang dan kemesraan sesama insan. ”

Zainab al-Ghazali

PERINGATAN

TANGGUNGJAWAB KITA




terhadap

- Keluarga dan masyarakat kita
- Pencipta kita Allah SWT
- Nabi kita Muhammad SAW




Buku ini menyediakan ayat-ayat al-Qur'an mengenai perbuatan buruk yang perlu dijauhi dalam kehidupan.




Kتاب Petunjuk Akidah 1 Ahli Sunnah wal-Jamâah ini diterbitkan sebagai satu wadah dan rujukan asas kepada masyarakat Islam bagi memahami secara lebih mendalam tentang persoalan yang melibatkan kekeliruan dan kepicisan tentang akidah dalam kalangan anggota masyarakat sehingga lahirlah pelbagai fahaman dan anutan dalam masyarakat Islam hari ini. Penjelasan setiap persoalan ini bersebandarkan kepada dalil al-Qur'an dan al-Hadith.

Harga Senaskhah :
RM 44.50



Kتاب Petunjuk Akidah 2 Ahli Sunnah wal-Jamâah ini diterbitkan sebagai satu wadah dan rujukan asas kepada masyarakat Islam bagi memahami secara lebih mendalam tentang persoalan yang melibatkan kekeliruan dan kepicisan tentang akidah dalam kalangan anggota masyarakat sehingga lahirlah pelbagai fahaman dan anutan dalam masyarakat Islam hari ini. Penjelasan setiap persoalan ini bersebandarkan kepada dalil al-Qur'an dan al-Hadith.

Harga Senaskhah :
RM 40.50



Kتاب ini ditulis untuk melihat bagaimana akidah berfungsi dalam pembinaan tamadun yang berkaitan dengan sebuah fitrah semula jadi manusia. Di sini dianalisis rukun iman atau peratus yang menjadi pengaruh dalam pembinaan tamadun Islam. Dan di dalam buku ini juga dikemukakan persoalan terkini yang mengakut puncak kognitif manusia melihat tujuan hidupnya dijadikan Allah untuk memakmurkan bumi.

Harga Senaskhah :
RM 18.30



Tahniah kerana
habiskan baca! Moga
ada manfaat dan
kebaikan!


Kalau ada rezeki,
kita berjumpa lagi
dalam keluaran
seterusnya!



PENDIDIK ialah majalah bersiri terbitan JAKIM yang mengandungi komik, artikel, dan cerpen. Di dalamnya ada diselitkan juga latihan, permainan, dan halaman aktiviti yang menguji daya pengetahuan dan kreativiti.

APA YANG MENARIK DI DALAM BUKU INI?

RUANG KREATIF:



Aktiviti untuk Anak Kreatif

CERPEN:

Mencambah Minat Membaca




ARTIKEL:

Tingkatkan Daya Pengetahuan

SOAL JAWAB AGAMA:

Belajar Hukum-Hakam Islam



DOA:

Menambah Hafalan Doa

KOMIK:

Belajar sambil Berhibur



PERMAINAN DAN LATIHAN:



Mengasah Kemahiran

ISSN 2805-5594



PORTAL RASMI

جامعة إسلام مالaysia
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

www.islam.gov.my